

REAKSI RESPONDEN DALAM KALANGAN TRANSGENDER DAN TRANSEKSUAL

¹Mohammad Ramzi Zakaria,

²Dr. Asma Hakimah Ab. Halim, ²Prof Madya Shamsuddin Bin Suhor

¹Jabatan Pendidikan Islam dan Pengajian Umum,

Kolej Pengajian Islam Johor(Marsah)

²Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

ramzi.zakaria9029@yahoo.com

ABSTRAK

Transeksual merupakan satu induk kemahuan seks yang menyimpang, manakala transgender adalah silang gender daripada gender asal. Bagi mendapat hak golongan-golongan ini telah memperjuangkan dan menegakkan hak kebebasan asasi mereka di negara ini. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan dan kemungkinan membawa permasalahan kepada negara sekiranya hak-hak yang dituntut itu diberikan kepada mereka. Oleh itu, bagi mengenal pasti punca permasalahan ini, pengkaji telah mengambil langkah untuk mendekati golongan-golongan ini melalui temubual dan mendapati pelbagai cabaran dihadapi ketika mengumpul dan memperolehi data tersebut. Kajian ini menceritakan pengalaman yang dilalui dan cabaran fizikal dan mental yang dihadapi ketika membuat kajian tersebut untuk dikongsi bersama. Akhir kajian, penulis mendapati cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mana-mana pengkaji yang melibatkan responden dalam kategori ini perlu mengambil langkah awal sebelum bertindak mendekati mereka agar tidak berlaku permasalahan ketika menjalankan apa-apa kajian.

Kata kunci: Transeksual, transgender, gender dan cabaran-cabaran.

REACTIONS INVOLVING RESPONDENTS TRANSGENDER AND TRANSSEXUALS CATEGORY

ABSTRACT

Transsexuals are deviant rulers of sexuality, while transsexuals are transgender from the original sex. To get the rights of this group, they have fought for and upheld their fundamental freedoms in this country. This has caused concern and is likely to cause problems for the country if the claimed rights have been granted to them. Therefore, to identify the cause of this problem, researchers have taken steps to approach these groups through interviews and have identified various challenges when collecting and obtaining such data. This study describes the experiences and physical and mental challenges faced in the research to be shared. At the end of the study, the authors found that the challenges faced by

each researcher involving respondents in this category must be taken first before acting close to them so as not to interfere with the conduct of any research.

Keywords: transsexual, transgender, gender and challenges.

PENGENALAN

Golongan transeksual dan transgender ini telah wujud sudah sekian lama sebelum kedatangan zaman Rasullullah SAW lagi.³⁵ Walaupun golongan ini telah dikenalpasti dengan bencana yang amat dahsyat sehingga memusnahkan tempat dan kaum tersebut, tetapi amalan dan perbuatan seumpama itu masih ada sehingga kini. Malahan juga seperti mana kita ketahui bahawa golongan ini tidak akan mendiamkan diri begitu sahaja, tetapi mereka akan menyebarkan unsur-unsur negatif ini kepada masyarakat untuk mendapat pengaruh sehingga membentuk pelbagai persatuan baru seperti mana berlaku pada hari ini.

Lesbian, gay, biseksual dan transgender dikenali dengan singkatan LGBT yang setiap satu perkataan itu membawa makna atau pengertian yang berbeza tetapi mempunyai satu matlamat yang serupa atau sama iaitu memperjuangkan hak-hak untuk kumpulan masing-masing. Kemunculan golongan LGBT ini bermulanya kewujudan golongan *gay* yang mahu pengiktirafan pada tahun 1860-an lagi di Amerika Syarikat tetapi tidak diterima secara meluas kerana ramai tidak bersetuju dengan adanya gender ketiga ini. Permulaannya penggunaan istilah homoseksual digunakan tetapi tidak dipersetujui kerana mengandungi istilah negatif dan diganti dengan homofil dalam tahun 1950-an dan 1960-an. Istilah berubah dari semasa ke semasa dengan menggantikan istilah *gay* pada tahun 1970-an. Istilah ini terus berkembang dan wujud frasa *gay* dan *lesbian* apabila kaum-kaum wanita mula membentuk golongannya.³⁶ Namun pembentukan ini tidak bertahan lama apabila feminis lesbian menolak berkerjasama dengan kaum gay. Pembentukan golongan-golongan ini makin menyerlah dengan kumunculan kumpulan-kumpulan baru seperti *transgender* dan biseksual yang memperjuangkan kewujudan mereka dan diiktirafkan sebagai satu persatuan. Pada akhir 1970-an dan awal 1980-an berlaku percanggahan di antara kumpulan-kumpulan tersebut atas ketidakpuashatian persaingan yang dihadapi.³⁷

Bagi menyelesaikan masalah tersebut, kumpulan-kumpulan ini dihimpunkan dalam satu kumpulan persatuan dengan dinamakan LGBT pada tahun 1980-an yang mempunyai tujuan yang sama iaitu hak kebebasan asasi dan kedudukan mereka di Amerika sehingga istilah ini digunakan pada hari ini.³⁸ Kumpulan-kumpulan ini mula berkembang ke seluruh negara dan berjaya

³⁵ Khairuddin Haiyon, <http://www.jais.gov.my/article/amalan-kaum-nabi-luth>, Amalan Kaum Nabi Luth, 21 November 2017.

³⁶E. Wayne Ross, 2006, The Social Studies Curriculum Purposes Problems & Possibilities, Third Edition, hlm 257

³⁷E. Wayne Ross, The Social Studies Curriculum Purposes Problems & Possibilities, hlm 257

³⁸E. Wayne Ross, The Social Studies Curriculum Purposes Problems & Possibilities, hlm 257

mendapat pengiktirafan sebagai gender ketiga daripada beberapa buah negara antaranya Nepal, India, Pakistan, Australia, Bangladesh, Thailand dan beberapa negara lain. Namun begitu, terdapat juga beberapa negara yang tidak mengiktirafkan kedudukan mereka antaranya Malaysia, Brunei, Arab Saudi dan beberapa negara lain.

Di Malaysia sebagai contohnya, dalam Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan LGBT sebagai perbuatan yang haram dilakukan sebagai gaya hidup.³⁹ Begitu juga dengan peruntukan undang-undang negeri yang diperuntukan dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Jenayah Kesalahan Syariah yang menyatakan sabitan hukuman ke atas LGBT jika melakukan kesalahan tersebut sepetimana seksyen 28 memperuntukan yang menyatakan:

*Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduaduanya.*⁴⁰

Perkara ini jelas dengan peruntukan yang sedia ada ini telah menjadikan Malaysia lebih cakna dan proaktif dengan kewujudan ini dengan menghalang anasir-anasir negatif ini yang cuba mempengaruhi mental masyarakat Malaysia sebelum menjadi parah. Oleh demikian, melalui pengenalan sejarah kewujudan LGBT ini, dapat disimpulkan bahawa pemasalahan utama yang dikehendaki golongan ini adalah hak asasi dan pengiktirafan mereka di setiap negara seperti mana yang dilakukan oleh masyarakat biasa. Justeru, dengan pemasalahan ini pengkaji menjadikan topik ini sebagai satu kajian yang perlu diteliti dan antara langkah awal ke arah kajian ini adalah dengan mendekati golongan-golongan ini melalui temubual bagi mendapatkan maklumat terperinci tentang permasalahan mereka.

MEMAHAMI TRANSGENDER DAN TRANSEKSUAL

Istilah transeksual atau juga dipanggil sebagai transgender diklasifikasi sebagai keceluaran jantina identiti atau *gender identity disorder* (GID)⁴¹ yang mempunyai ciri-ciri konflik antara seks anatomi seseorang dengan identiti jantina mereka, atau pengenalan diri sebagai seorang lelaki atau perempuan. Identiti jantina dan orientasi seksual bukan satu perkara yang sama kerana orientasi

³⁹ Anon, 2009, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 38.

⁴⁰ Akta Kesalahan Jenayah Syariah(Wilayah-wilayah Persekutuan 1997)

⁴¹A.P.A., American Psychiatric Assoc, 2000, Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder. Edisi Keempat. American Psychiatric Assoc.

seksual adalah seorang transeksual boleh menjadi *heterosexual*⁴², *homosexual*⁴³ atau *bisexual*^{44,45}. Keadaan ini menunjukkan orang yang mengalami ketidaksepadanan antara identiti jantina atau ekspresi jantina dan seks yang ditentukan juga digelarkan sebagai transeksual iaitu bertukar dari satu jantina ke jantina lain. Maka transeksual boleh merujuk kepada kedua-duanya sama ada bertukar kepada jantina lelaki atau perempuan. Mereka dilahirkan dengan organ seks yang mereka tidak mahu dan ingin mengubahnya kepada jantina yang berlawanan.

Lelaki yang transeksual akan tertarik kepada lelaki begitu juga dengan perempuan yang transeksual akan tertarik dengan perempuan. Lelaki yang transeksual menganggap diri mereka sebagai heteroseksual jika mereka tertarik kepada lelaki, manakala lesbian jika tertarik kepada wanita dan biseksual jika tertarik kepada kedua-dua jantina tersebut. Lelaki yang transeksual kebiasaannya dikatakan menentukan diri mereka dengan kemahanan kriteria yang dasar bagi melakukan terapi penukaran hormon dan pembedahan jantina. Jika seseorang tidak komited untuk menjalani pembedahan, maka seseorang itu dianggap sebagai pondan atau “*gay cross-dresser*” yang menyerupai wanita.⁴⁶ Transgender merupakan golongan yang mempunyai naluri dan kriteria ke arah jantina yang berlawanan sama ada dari segi permainan, perwatakan, cara dan gaya berpakaianya. Ketidakselesaan dengan jantina asal yang ada dalam dirinya menyebabkan lebih suka kepada jantina yang berlawanan seperti lelaki suka bergaya dan berpakaian seperti perempuan sehingga mereka berasa selesa dengan keadaan tersebut. Malahan juga, dalam keadaan sifat keperempuanan mereka itu menyebabkan tiada yang berani menegur dan ramai yang memulaukan sehingga mereka rasa sebat dengan sifat yang dirasai dalam kehidupan diri.⁴⁷

Menurut Meriam, transeksualisme berlaku apabila seseorang itu merasakan dirinya tidak sesuai dan tidak senang dengan jantina anatominya, serta mempunyai keinginan menukar jantina.⁴⁸ Segala yang ada pada dirinya sukar disenangi, malah lebih suka dengan keadaan jantina yang berlawanan dengan diri. Keceluaran identiti ini berlaku semasa kanak-kanak ekoran daripada

⁴² *Heterosexual* adalah kelompok pertama dan utama. Ia berasal daripada Latin iaitu “hetero” yang bermaksud berlainan. Golongan yang mempunyai kecederungan atau tarikan emosi atau seksual terhadap orang berlainan jantina.

⁴³ *Homosexual* adalah istilah Greek iaitu “homo” yang bermaksud sama. Kelompok ini adalah kelompok minoriti yang mana kelompok ini mempunyai kecederungan atau tarikan seksual atau emosi terhadap seseorang daripada jantina yang sama.

⁴⁴ *Bisexual* adalah kelompok yang minoriti dan susah dikenalpasti kerana seseorang yang boleh mempunyai dua kecederungan terhadap lelaki dan wanita dalam satu masa.

⁴⁵ A.P.A., American Psychiatric Assoc, 2000, *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder*. Edisi Keempat. American Psychiatric Assoc.

⁴⁶ Mohd Khairul Anwar Ismail, 2015, *Suami Gay Isteri Mak Nyah: Nafsu Songsang Terlaknat*, Kuala Lumpur, hlm 12.

⁴⁷ Roseliza Murni Ab. Rahman, 2003, Keceluaran Identiti Jantina:Perspektif Psikososial dan Biologi, *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 19, 41-57.

⁴⁸ Meriam Omar Din, 2000, Kajian Kes Kaunseling Seksualiti:Masalah Seorang Dewasa Transeksual, *Jurnal PERKAMA*, 8, 153-173.

perasaan dan tingkah laku yang berlarutan hingga dewasa sehingga menjadi keselesaan dalam jiwa.⁴⁹

Ekins mengutarakan isu transeksual sebagai golongan lelaki keperempuanan atau *male femailing* serta diklasifikasikan kepada tiga kategori⁵⁰ iaitu:

- i. *Body femailing* atau tubuh keperempuanan yang bermaksud keinginan untuk menukar imej badannya kepada perempuan, termasuk usaha untuk mengambil hormon, mengubah bentuk muka, rambut, suara dan kulit;
- ii. *Erotic femailing* atau erotik keperempuanan yang bermaksud kehendak layanan dari segi seksual berasaskan layanan sebagaimana perempuan normal yang lain; dan
- iii. *Gender femailing* atau gender keperempuanan yang bermaksud perubahan secara keseluruhan termasuk tingkah laku, emosi, pemikiran dan sosio-budaya yang berkaitan dengan alam kewanitaan.

Ketiga-tiga ciri di atas boleh diterima pakai dan dijadikan asas untuk memperbaiki diri mereka kembali kepada jantina asal dan tidak menurut arus kelembutan yang ada dalam diri mereka.⁵¹

Melalui definisi-definisi yang dijelaskan ini, dapat disimpulkan transgender dan transeksual adalah dua maksud dan dua golongan yang berbeza. Ini kerana, transgender merupakan kekeliruan penentuan pada gender atau jantina asal seseorang itu, walaupun jasad dan rohnya adalah seorang lelaki tetapi perasaan atau naluri mereka yang keinginan untuk menjadi seorang perempuan. Manakala transeksual pula merupakan kekeliruan pada penggunaan alat kemaluan atau kelamin dalam melakukan seks dengan pasangan tersebut, sehingga sebahagian golongan transeksual ini melakukan pembedahan pada alat kelaminnya bagi menampakkan dirinya seperti jantina yang diingini dan golongan seperti ini adalah golongan yang berada pada kedua-dua golongan tersebut iaitu transgender dan transeksual.

Setiap transgender keberangkalian merupakan golongan transeksual, tetapi berbeza dengan transeksual kemungkinan golongan ini bukan transgender. Golongan transgender selalunya menampilkan diri seperti jantina yang diingini contoh jika seseorang itu memiliki jantina asalnya lelaki dan mempunyai perasaan seperti seorang perempuan, maka ia akan berpakaian dan berwatakkan seperti seorang perempuan begitu sebaliknya bagi seseorang perempuan yang keliru dengan jantina asalnya. Selalunya golongan-golongan transgender lelaki ini seperti mak nyah, pondan dan transgender perempuan pula seperti tomboy dan penkid.⁵² Manakala golongan transeksual adalah terdiri daripada kumpulan-

⁴⁹ Meriam Omar Din, 2000, Kajian Kes Kaunseling Seksualiti:Masalah Seorang Dewasa Transeksual, *Jurnal PERKAMA*, 8, 153-173.

⁵⁰Ekins, R, 1993, On male famaling: a grounded theory approach to cross-dressing and sex-changing. *The Sociological Review*, 41, 1-29.

⁵¹Amran Hassan, 2001, *Konflik*, Johor, hlm. 24.

⁵² Mohd Khairul Anwar Ismail, 2015, Suami Gay Isteri Mak Nyah Nafsu Sonsang Terlaknat, Kuala Lumpur, hlm. 11.

kumpulan gay, lesbian dan biseksual. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa transgender adalah golongan yang keliru dengan gender atau jantina dirinya, manakala transeksual adalah golongan yang keliru dengan alat kelamin untuk melakukan seks.

CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI PENGKAJI

Sepanjang kajian dijalankan, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi ketika berhadapan dengan golongan transgender dan transeksual. Bentuk-bentuk cabaran ini telah diklasifikasikan kepada beberapa aspek seperti fizikal serta mental dan emosi.

1. Fizikal

Apabila pengkaji berhadapan dengan golongan-golongan ini, fizikal merupakan satu gerakan yang memainkan peranan penting selepas aspek mental. Menurut Kamus Dewan, fizikal ini merupakan sesuatu perkara yang melibatkan anggota badan berlawanan dengan moral atau rohani.⁵³ Hal ini melibatkan anggota badan sama ada dari gerakan mata, pendengaran, pertuturan dan gerakan-gerakan anggota lain ketika bertindak atau melakukan sesuatu perkara.

Cabarannya menemui responden merupakan satu cabaran yang luar biasa, kerana daya tarikan responden menginginkan perkara-perkara yang bertentangan dengan kemahuan pengkaji dalam sesuau kajian yang dijalankan seperti kemahuan seks, harta benda dan wang. Keadaan-keadaan ini perlu dihadapi sebagai seorang pengkaji kerana pihak responden akan sedaya-upaya untuk mempengaruhi suasana ketika menjalankan kajian tersebut dengan mengalihkan tumpuan pengkaji. Sepanjang kajian ini dengan berdasarkan pemerhatian pengkaji melalui pertemuan dan temubual reseponden-responden tersebut, pengkaji dapat mengenalpasti cabaran fizikal melalui pertuturan responden, tindakan atau perlakuan responden dan kestabilan emosi pengkaji.

Selalunya sesi temu bual akan dijalankan di kawasan responden berada terutamanya di susur kaki lima jalan gelap yang jarang dilalui oleh masyarakat melainkan kewujudan orang-orang tertentu yang ingin melanggan diri mereka. Pengkaji telah menjalani kajian ini pada 30 Ogos 2017 jam 10.00 malam di sekitar Jalan Cempurai, Kampung Pandan, Johor Bahru iaitu tempat responden berada yang dihadiri pelbagai tingkahlaku manusia yang pengkaji perhatikan seperti menerima dan melayan kehendak golongan ini dengan bayaran-bayaran tertentu, berpakaian yang menjolokkan mata(seksi) dan berbagai lagi. Sepanjang perjalanan di kawasan tersebut, terdapat ramai golongan transgender dan transeksual yang menanti serta melayan pelanggan-pelanggan yang mereka terima. Tambahan lagi, kawasan tersebut diawasi oleh beberapa orang lelaki termasuk mak ayam (ketua mak nyah) yang ditugaskan untuk memantau dan menjaga kawasan tersebut daripada selamat serta dilindungi daripada diketahui oleh pihak penguatkuasa. Keadaan ini menjadi kegerunan dan ketakutan pengkaji

⁵³Anon, 2013, *Kamus Dewan Bahasa & Pustaka*, Edisi Ke-4, Kuala Lumpur, hlm. 413

untuk mendekati responden ketika menjalankan kajian di kawasan itu. Oleh itu, pengkaji mengambil jalan inisiatif mendekati tiga orang transgender dan transeksual di tempat yang sesuai dengan memberi bayaran kepada mereka untuk mendapat maklumat-maklumat berkenaan kajian tersebut.

Ketika sesi menemubual responden, pengkaji akan sentiasa cuba menarik perhatian responden agar menjawab soalan-soalan yang diajukan dan pengkaji tidak boleh sama sekali mengiyakan atau menidakkan sesuatu jawapan yang diberikan oleh responden seperti soalan “Sekiranya anda diberi ruang untuk menyuarakan pandangan tentang perkara dan hak yang perlu anda dapat, apakah yang ingin anda suarakan kepada pihak kerajaan, serta seluruh ahli masyarakat?” Merujuk soalan yang diajukan ini, daripada tiga responden memberi jawapan yang serupa di mana mereka menginginkan dirinya sebagai seorang perempuan seperti jawapan responden ini di mana dia menyatakan kejadian dirinya adalah sebagai seorang perempuan dengan berdasarkan naluri semulajadi bahkan mereka mahukan diri mereka seperti hak seorang perempuan.⁵⁴ Walaupun jawapan-jawapan yang diberikan responden adalah jawapan yang menyentuh emosi pengkaji tetapi ia perlu dikawal sebaik mungkin dengan sabar dan tidak sesekali membantah jawapan yang diberikan responden. Hal ini agar maklumat-maklumat yang diberi oleh responden lengkap dan tepat sesuai dengan kehendak pengkaji.

Di samping itu, sepanjang kajian ini pengkaji perlu menjaga etika penyelidikan iaitu sebagai seorang pengkaji dan menjaga kerahsiaan responden agar tidak diketahui masyarakat sekeliling seperti tentang peribadi responden contoh pengenalan tentang dirinya, latar belakang keluarganya dan perbuatan-perbuatan yang dilakukan(mengambil barang-barang tertentu). Walaupun perkara-perkara yang disampaikan oleh responden adalah satu perkara negatif tetapi sebagai seorang pengkaji kerahsiaan perlu diletakkan dalam diri. Tambahan juga pengkaji perlu merahsiakan tentang maklumat diri kepada responden agar tidak menjelaskan reputasi pekerjaan.

Melalui kajian ini juga, pengkaji menghadapi cabaran dari tindakan dan saka responden yang luar biasa seperti menyentuh dan menggoda seperti memegang bahagian alat sulit dan bahagian-bahagian anggota pengkaji yang mendarangkan klimaks seks. Tambahan lagi responden juga menawarkan pelbagai perkhidmatan agar pengkaji tertarik dengan responden contoh memberi sesuatu perkara yang luar jangkaan seperti pembantu rumah, pemandu kereta, wang, barang rumah dan percutian luar negara. Di samping itu, melalui keadaan-keadaan tertentu, pengkaji terpaksa menjalankan temubual melalui media sosial bagi mendapatkan maklumat tersebut contohnya melalui *wechat*, *whatsapp*, menelefon dan seupamanya kerana disebabkan kawasan atau tempat pengkaji yang jauh daripada responden iaitu di Sarawak. Keadaan-keadaan ini memberi cabaran kepada pengkaji kerana responden cuba mengambil kesempatan dengan mengajak melakukan perbuatan-perbuatan yang buruk sebagai satu tarikan responden kepada pengkaji.⁵⁵ Oleh itu, tindakan fizikal oleh responden ini perlu

⁵⁴ Responden 1, Transgender Lelaki, 29 Ogos 2017, 9.00 malam.

⁵⁵ Responden 2, Transgender Lelaki, 12 September 2017, 9.00 malam.

diambil perhatian oleh pengkaji sebelum memulakan kajian ke atas responden agar tidak berlaku hal-hal negatif.

2. Mental Dan Emosi

Pengkaji telah menjalankan kajian lapangan secara menemu bual responden-responden dari golongan transgender dan transeksual yang menghadapi pemasalahan berkaitan dengan perjuangan hak dan kebebasan mereka. Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati cabaran mental dan emosi juga adalah cabaran utama ketika berhadapan responden dalam mengenalpasti pemasalahan tersebut. Hal ini kerana kemauuan dan kehendak responden tidak diketahui oleh pengkaji yang menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan maklumat. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengambil beberapa inisiatif bagi menarik perhatian mereka dengan melalui kaedah-kaedah tertentu seperti mendekati mereka dengan memberi suguhan atau sumbangan sama ada dalam bentuk wang atau barang tertentu agar sumber-sumber atau maklumat yang diperlukan dapat diperolehi oleh pengkaji. Proses kajian ini merupakan satu kajian yang mencabar apabila berhadapan dengan responden terutama dari aspek mental yang akan memberi kesan ke atas emosi sekiranya mental tidak dapat dikawal dengan sebaik-baiknya. Menurut Kamus Dewan, mental adalah sesuatu perkara yang berkaitan dengan pemikiran atau akal fikiran.⁵⁶ Hal ini dapat difahami bahawa mental memainkan peranan penting dalam sesuatu tindakan lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan responden seumpama ini.

Sepanjang kajian, pengkaji yang merupakan seorang pensyarah di sebuah institusi swasta di negeri Johor dan juga pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam yang terkemuka di Malaysia yang telah banyak menerima cabaran dari aspek mental melalui ugutan-ugutan daripada responden melalui tindakan-tindakan yang menjelaskan kedudukan dan prestasi pengkaji seperti mendedahkan perkara buruk kepada masyarakat dan melaporkan maklumat-maklumat palsu kepada pihak berkuasa seperti jabatan penguatkuasa agama dan orang atasan. Situasi begini adalah cabaran berhadapan dengan golongan transeksual yang berusaha melakukan apa sahaja sehingga dia mendapat kehendaknya, berbanding dengan golongan transgender, majoritinya mereka tidak mengugut pengkaji malah hanya tidak suka mendedahkan diri mereka yang melibatkan keluarga dan berkaitan kehidupannya sehariannya seperti pengambil barang-barang terhalang. Dalam situasi ini responden transeksual terutamanya telah melibatkan keluarga pengkaji dengan ingin mendedahkan perkara-perkara buruk jika pengkaji tidak mengikut kehendak responden. Hal ini menambahkan tekanan emosi pengkaji apabila berhadapan dengan responden yang memaksa untuk mengikut kehendaknya terutamanya memaksa menerima wang ringgit. Walau bagaimanapun, segala kajian ini pengkaji telah bertindak awal dengan menjelaskan kepada ahli keluarga agar tidak berlaku salah tanggapan. Selepas berhadapan dengan pemasalahan ini, pengkaji juga telah mengambil langkah untuk menghadiri sesi kaunseling bagi mendapat pandangan dan nasihat dalam

⁵⁶Anon, 2013, *Kamus Dewan Bahasa & Pustaka*, Edisi Ke-4, Kuala Lumpur, hlm. 1021

menyelesaikan masalah ini. Melalui sesi kaunseling tersebut, pengkaji telah mengambil tindakan untuk menyampaikan perkara sebenar kepada pihak majikan tempat kerja dan melaporkan ke Balai Polis Klang atas ugutan yang diterima oleh pengkaji.⁵⁷ Keadaan kajian ini adalah satu cabaran baru pada pengkaji, di mana pihak responden mengambil jalan untuk memerangkap pengkaji agar mengikut kehendak dan tindaknya. Di samping itu, dalam kajian ini tiada sebarang soalan yang diajukan oleh pengkaji berunsur ugutan atau paksaan tetapi kehendak dan perbuatan responden yang mahu sesuatu perkara yang bertentangan dengan agama iaitu menjalinkan hubungan yang haram.

Melalui kajian ini juga, pelbagai perkara yang ditawarkan oleh responden dalam keadaan mendesak sehingga menghantui pengkaji contoh berupa harta benda, wang ringgit dan apa-apa perkara yang diinginkan oleh pengkaji. Ini mendarat kebimbangan pengkaji dalam menjalankan kajian apabila menolak tawaran responden. Oleh demikian, dengan situasi begini pengkaji meletakan aspek kekuatan mental dan rohani sebagai peranan penting dalam mencari jalan untuk menolak dengan sekeras-kerasnya atas segala tawaran yang diberikan. Ini kerana, pengkaji mengetahui bahawa tawaran yang diberikan oleh responden adalah satu muslihat untuk menarik perhatian pengkaji agar terikat dengan responden. Situasi ini perlu berhati-hati agar tidak berlaku perkara-perkara negatif atau mendaratkan pemasalahan ke atas pengkaji. Oleh itu, setiap langkah dan cara pengkaji perlu dirancang terlebih dahulu dengan tindakan yang sesuai untuk menjalankan kajian apabila berhadapan dengan responden transgender dan transeksual agar mental dan emosi tidak terganggu apabila menjalankan kajian.

CADANGAN

Hak dan kedudukan LGBT masih disekat di Malaysia atas perbuatan dan kehidupan yang songsang yang menjadi tentang dalam agama. Walau bagaimanapun, perjuangan persatuan LGBT ini masih berterusan sehingga kini untuk memperolehi pengiktirafan masyarakat dan negara ini. Pemasalahan ini telah disekat oleh undang-undang negara, namun begitu telah dicabar oleh beberapa golongan yang masih merasai sekatan yang diperuntukan adalah melanggar hak asasi mereka. Oleh itu pengkaji telah bercadang untuk mengkaji pemasalahan ini dengan berhadapan responden LGBT bagi mengenalpasti punca pemasalahan dari aspek undang-undang dan kehendak hak golongan LGBT ini. Namun begitu, melalui kajian awal melalui kaedah temubual yang dijalankan, pengkaji merumuskan bahawa pelbagai cabaran yang dihadapi dari sudut fizikal dan mental. Tambahan juga, keadaan-keadaan yang dihadapi pengkaji adalah satu perkara yang luar biasa dan mencabar bagi seorang pengkaji transgender dan transeksual seperti mana yang telah dijelaskan dalam artikel ini. Langkah terbaik sebelum menjalankan kajian yang ingin pengkaji kongsikan adalah pastikan pengkaji bersiap sedia dengan soalan-soalan yang diajukan dan pastikan soalan tersebut disemak oleh penyelia terlebih dahulu agar mengelakan soalan yang

⁵⁷ No. Report Klang/014165/17, Balai Polis Klang, 29 April 2017.

menyentuh sensitiviti responden. Di samping itu, pengkaji yang bekerja perlu memberi tahu terlebih dahulu kepada majikan tentang kajian yang akan dijalankan agar tidak menjelaskan reputasi kerja, bahkan juga pemberitahuan ini perlu disampaikan kepada orang yang rapat terutama keluarga agar mengelakan permasalahan pengkaji dengan keluarga. Dalam kajian ini, pengkaji perlu menjalankan kajian di kawasan yang selamat agar dilindungi dari sebarang pemasalahan atau membawa orang tertentu dalam bilangan seorang atau dua orang yang boleh dipercayai sebagai peneman sepanjang menjalankan kajian dengan responden tersebut. Sepanjang kajian tersebut, pengkaji sama sekali tidak boleh mendedahkan latar belakang dirinya pada responden agar maklumat-maklumat berkaitan responden dapat diperolehi dengan jayanya. Akhir sekali, seseorang pengkaji perlu bersifat tegas dalam melakukan sesuatu perkara contohnya menolak segala tawaran-tawaran yang diingini oleh responden agar pengkaji tidak terperangkap dengan perbuatannya dan kehendaknya. Cadangan langkah-langkah ini adalah satu perkongsian dan pendedahan pengkaji melalui pengalaman kepada pengkaji-pengkaji yang ingin menjalankan kajian ini agar mempunyai persediaan ketika menjalankan kajian.

KESIMPULAN

Kajian dalam kalangan transgender dan transeksual adalah satu kajian yang mencabar kerana ia melibatkan dari aspek mental dan fizikal. Kedua-dua perkara ini perlu dipersiapkan dan diperkemaskan terlebih dahulu agar tidak gagal ketika mengumpul data kajian tersebut. Persiapan mental yang dimaksudkan di sini adalah pengkaji perlu kawalkan emosi dan perasaan, jangan mudah menerima setiap yang diberikan sama ada berupa harta atau apa-apa perkara, tetapkan pendirian dan matlamat yang ingin dituju oleh pengkaji, jangan menidakan atau mengiyakan setiap apa yang dijawab oleh responden dan peka setiap kajian yang hendak dijalankan agar tidak terpengaruh dengan tawaran-tawaran dan godaan-godaan yang ditawarkan oleh responden, manakala dari segi fizikal ketika menjalankan kajian, pengkaji perlu berwaspada dengan tindakan responden melalui sentuhan atau sebaliknya. Oleh itu, artikel ini adalah sebagai satu perkongsian kepada pengkaji-pengkaji yang ingin menjalankan kajian terhadap golongan transgender dan transeksual agar setiasa bersedia dan memastikan segala proses kajian mengikut kaedah yang sesuai.

BIBLIOGRAFI

- Anon. 2013. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Anon. 2009. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Amran Hassan. 2001. *Konflik*. Johor:Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- P.A., American Psychiatric Assoc. 2000. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder*. Edisi Keempat. American Psychiatric Assoc.

- E. Wayne Ross. 2006. *The Social Studies Curriculum Purposes Problems & Possibilities*. Third Edition. United States: State University Of New York Press.
- Ekins, R. 1993. On male famaling: a grounded theory approach to cross-dressing and sex-changing. *The Sociological Review*. 41. 1-29.
- Khairuddin Haiyon, <http://www.jais.gov.my/article/amalan-kaum-nabi-luth>, Amalan Kaum Nabi Luth, 21 November 2017.
- Meriam Omar Din. 2000. Kajian Kes Kaunseling Seksualiti:Masalah Seorang Dewasa Transeksual. *Jurnal PERKAMA*. 8. 153-173.
- Mohd Khairul Anwar Ismail. 2015. *Suami Gay Isteri Mak Nyah: Nafsu Songsang Terlaknat*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- No. Report Klang/014165/17. Balai Polis Klang. 29 April 2017.
- Responden 1. Transgender Lelaki. 29 Ogos 2017. 9.00 malam.
- Responden 2. Transgender Lelaki. 12 September 2017. 9.00 malam.
- Roseliza Murni Ab. Rahman. 2003. Kecelaruan Identiti Jantina:Perspektif Psikososial dan Biologi. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*. 19. 41-57.